

22/11/1997

Sabah luluskan belanjawan 1998

KOTA KINABALU, Jumaat - Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah malam ini meluluskan Belanjawan Negeri 1998 yang matlamatnya menjurus ke arah mengekalkan pertumbuhan mampan dan mengekang peningkatan inflasi.

Ia diluluskan sebulat suara selepas dibahaskan selama dua hari sejak Rabu lalu. Penggulungan perbahasan bagi setiap kementerian bermula jam 11 pagi ini, manakala Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Abdul Ghapur Salleh, menggulung keseluruhan belanjawan malam ini.

Belanjawan Sabah 1998 menyediakan peruntukan sebanyak RM1,703 juta iaitu RM375.45 juta untuk bayaran emolumen, RM358.88 juta perbelanjaan berulang dan RM968.67 juta perbelanjaan khas untuk membiayai beberapa perkhidmatan mustahak, termasuk sumbangan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Sepanjang perbahasan, rata-rata penyokong kerajaan menyifatkan belanjawan itu sebagai tidak membebankan rakyat, malah ia menjurus ke arah pembangunan ekonomi mampan dan mengawal inflasi.

Mereka meyakini ekonomi Sabah akan mencatat pertumbuhan menggalakkan berikutan penekanan ke atas sektor berorientasikan eksport seperti pertanian, penternakan, pembuatan, pelancongan dan yang berkaitan dengan perkhidmatan.

Sementara pembangkang terutama Parti Bersatu Sabah (PBS) mempertikaikan kemampuan kerajaan dalam mengurus ekonomi sambil mendakwa tabungan negeri kini semakin berkurangan.

Ketika menggulung perbahasan petang ini, Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, berkata kedudukan ekonomi negeri ketika ini masih teguh kerana mempunyai sektor berorientasikan eksport berasaskan komoditi.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri tetap mengambil tindakan lebih berhati-hati, jujur, telus dan cekap dalam menguruskan wang awam dalam usaha menangani krisis ekonomi sekarang sebagaimana nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar rakyat tidak panik dan goyah.

Beliau juga berkata, krisis ekonomi sekarang tidak menghalang kerajaan untuk terus membantu rakyat termiskin melalui Skim Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT-SAS) dengan pembiayaan RM50 juta melalui pinjaman tanpa faedah kepada 7,407 Keluarga Isi Rumah (KIR) rakyat termiskin.

Manakala seramai 3,797 KIR lagi akan diberi bantuan mengikut Skim PPRT-SAS sebaik saja peruntukan dapat disediakan.

Menggulung bagi kementeriannya pula, Menteri Perhubungan dan Kerjaraya, Datuk Yahya Hussin, berkata isu kadar kutipan rendah bayaran bekalan air yang dikemukakan baru-baru ini dikenal pasti berpunca daripada kehadiran pendatang tanpa izin yang mendapatkannya secara haram serta kebocoran paip air yang sudah uzur.

Sehubungan itu, katanya, Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan RM182 juta melalui program Bekalan Air Serta Merta bagi menggantikan paip yang sudah bocor dan uzur manakala Jabatan Bekalan Air Negeri bertindak memotong sambungan air secara haram itu.

(END)